

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 9 MAC 2017

SOALAN :

YB Puan Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah doktor dan doktor pakar di semua hospital-hospital daerah dan hospital besar di seluruh negeri Kelantan untuk tahun 2016 dan 2017.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, jumlah Pegawai Perubatan secara keseluruhan yang sedang berkhidmat di seluruh negeri Kelantan termasuk di hospital daerah dan di hospital besar adalah seramai 1,581 bagi tahun 2016 dan 1,586 bagi tahun 2017. Daripada jumlah tersebut, jumlah Pakar Perubatan adalah seramai 238 bagi tahun 2016 dan 240 bagi tahun 2017.

SOALAN (77)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 9 MAC 2017
[KHAMIS]**

**DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN
MOHAMAD HANADZLAH
[TAMBUN]**

SOALAN :-

YB DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH [TAMBUN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa Korea Selatan yang pendapatan perkapitanya di belakang negara kita pada tahun-tahun 1960'an, 1970'an dan 1980'an, bermula tahun 1990 melonjak ke USD6,513 berbanding USD2,550 bagi negara kita dan pada tahun 2015 sebanyak 2.7 kali ganda lebih tinggi dari negara kita.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Korea Selatan telah mencatat pertumbuhan ekonomi yang amat memberangsangkan dengan pertumbuhan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) sebanyak 6.9 peratus setahun bagi tempoh 1970-2015. Pada masa yang sama, pendapatan per kapitanya turut meningkat daripada USD260 pada tahun 1970 kepada USD27,450 pada 2015 dengan purata kadar pertumbuhan sebanyak 10.9 peratus setahun bagi tempoh yang sama. Ini merupakan pencapaian yang tertinggi dalam dunia, melepasi negara dengan pertumbuhan pendapatan per kapita yang pesat seperti China sebanyak 9.8 peratus setahun, Singapura sebanyak 9.3 peratus, Hong Kong sebanyak 8.8 peratus, Indonesia sebanyak 8.4 peratus dan Malaysia sebanyak 7.8 peratus.

Berasaskan pertumbuhan yang amat memberangsangkan ini, Korea Selatan berjaya beralih daripada negara berpendapatan sederhana rendah kepada negara maju dan berpendapatan tinggi dalam masa 26 tahun, lebih cepat daripada Hong Kong mengambil masa 33 tahun dan Singapura 38 tahun. Faktor yang menyumbang kepada pencapaian

Korea Selatan boleh dikategori kepada tiga bidang, iaitu dasar ekonomi, pendidikan dan juga teknologi.

Dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan negara dan kesejahteraan rakyat, kejayaan dasar yang dilaksanakan oleh Korea Selatan sentiasa dijadikan penanda aras kepada Malaysia. Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk mencapai sebuah negara berstatus negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Banyak strategi dan usaha telah dirancang dan dijalankan bagi menggiatkan lagi usaha dan memastikan matlamat status negara berpendapatan tinggi dicapai. Kerajaan telah menggariskan beberapa strategi jangka sederhana dan jangka panjang yang akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).

Kerajaan juga akan memberi penekanan untuk melaksanakan strategi bagi mengukuhkan lagi daya tahan ekonomi ke arah pembangunan yang inklusif. Antara strategi tersebut adalah seperti berikut:

1. Meningkatkan produktiviti untuk memastikan pertumbuhan mampan dan inklusif;
2. Mengupayakan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) yang diterajui industri;

3. Menjana kekayaan melalui inovasi;
4. Menggalakkan pelaburan swasta untuk menerajui pertumbuhan ekonomi;
5. Meningkatkan eksport untuk menambah baikimbangan perdagangan;
6. Meningkatkan fleksibiliti dasar fiskal untuk memastikan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang lebih mampan; dan
7. Meningkatkan kesejahteraan rakyat, termasuk meningkatkan taraf hidup isu rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah.

Berdasarkan kepada langkah dan strategi yang dinyatakan di atas dan juga sokongan daripada semua pihak, Kerajaan yakin negara mampu untuk terus mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang mampan serta berada di landasan untuk mencapai agenda ekonomi berpendapatan tinggi dan inklusif menjelang 2020.

Sekian, terima kasih.

9 Mac 2017